

UCHAPAN YANG AMAT BERHORMAT
ENCHE' GHAFAR BIN BABA.

Tuan2 dan puan2 yang di-hormati;

Sa-bagai sa-orang. Pegawai Penerangan UMNO Bahagian Melaka, sa-patut-nya pada hari ini tidak-lah pada tempat-nya saya memberikan cheramah kepada tuan2, bahkan sa-balek-nya haruslah bersama2 dengan tuan2 untok menerima pelajaran2 dan cheramah2 dalam kursus yang berguna ini, tetapi oleh kerana Ibu Pejabat UMNO telah meminta kepada saya memberikan cheramah dalam kursus ini, maka terpaksa-lah jua saya chuba menunaikan kewajipan itu sa-kali pun saya tahu yang saya tidak-lah orang yang sa-patut-nya memberikan cheramah.

Tuan2 telah berada di-tempat ini telah hampir dua hari, dan dalam masa dua hari itu tuan2 telah menerima berbagai2 sharahan dan cheramah yang sangat berguna yang telah disampaikan oleh pemimpin2 kita untak panduan kita bersama, saya yakin, tuan2 sudah pun bersedia untok melancharkan tugas tuan2 bagi pehak kita dalam pilehan-roya yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi dari hari ini.

Anggap-lah bahawa pilehan-roya itu akan di-adakan dalam tempoh yang tidak berapa lama lagi, dan boleh jadi dalam sa-bulan dua ini, dan andai-nya kita berpendapat demikian tentu-lah masa dan waktu kita yang sa-singkat itu akan kita gunakan habis2.an untok menchapai kemenangan kita. Kita tidak-lah boleh menghabiskan masa kita dengan perchuma dan sia2 kerana perjuangan dalam pilehan-roya ini sama-lah saperti kita berpe- rang dalam medan perang jua. Pengalaman2 kita dalam pilehan-roya2 yang telah lain tentu-lah tuan2 sendiri telah mengetahuinya.

Dalam perjuangan ini pasokkan yang chukup terlately dan chekap, chukup dengan alat senjata yang lengkap, berdisiplin dan patoh kepada pimpinan, mempergunakan sa-tiap kesempatan untok memukul mundur tipu helah musuh, maka pasokkan yang saperti ini pasti akan menang. Tetapi sa-balek-nya, pasokkan yang lemah yang tidak terlately dengan chukup kurang alat2 persenjataan, tidak patoh kepada pimpinan, tidak berdisiplin dan tidak pandai menggunakan sa-barang kesempatan, maka pasokkan ini pasti-lah pula akan menerima kekalahan daripada lawan-nya.

Kerana itu tuan2 harus waspada dan harus berhati2 dan siap-sedia menerima sa-barang arahan2 dan patoh kepada pimpinan, di-mana dengan demikian Insha'allah kemenangan itu akan

berada di-pehak kita.

Tuan2 sakalian,

Samenjak dari kita menchapai kemerdekaan, negara kita telah menghadapi berbagai2 chobaan, kadang2 chobaan itu membimbangkan kita. Tetapi, walau bagaimana pun jua kita bersyukur kapada Allah S.W.A. oleh kerana semua chobaan itu adalah merupakan ujian sa-mata2, merupakan tapisan2 dan merupakan peperiksaan ta'at-setia ra'ayat negeri ini kapada negara.

Pada masa party Komunis Malaya melancharkan keganasan-nya di-Malaya ini, sa-kali pun pada lahir-nya itu adalah merupakan suatu mala petaka kapada negara dan bangsa kita, tetapi pada hakekat-nya dengan ujian mala petaka itu jua dapatlah kita mengenal, siapa-kah di-antara ra'ayat negeri ini yang berpura2 ta'at-setia-nya dan siapa-kah pula di-antara ra'ayat negeri ini yang benar mahu hidup dan mati bersama2 negara dan bangsa-nya.

Dua belas tahun lama-nya keganasan itu di-lancharkan oleh pengganas Komunis yang telah mendapat arahan daripada gerakan Komunis antara bangsa, dan akhir-nya keganasaa. mereka itu telah di-patahkan sama sa-kali dengan berkat kegiatan kita serta perjuangan yang mati2an daripada bala tentera dan perajutit2 kita baik dari pasokkan Pulis, tentera darat, laut dan udara. Kerajaan Perikatan telah menjanjikan kapada ra'ayat negeri ini bahawa Perikatan akan menghapuskan keganasan Komunis itu dengan sa-berapa segera yang boleh,

Perikatan telah pun menunaikan janji-nya kapada ra'ayat negeri ini, yang paling besar sa-kali ia-itu mengembalikan keamanan dan mengistiharkan tamat-nya dzarurat di-negeri ini, kerana dengan berbuat demikian berarti-lah Perikatan telah dapat menyelamatkan wang, nyawa dan harta-benda ra'ayat negeri ini daripada kehanchuran-nya saperti yang di-renchanakan oleh Komunis di-Malaya ini,

Ra'ayat negeri Mi telah menguchapkan shukor dan berterima kaseh kapada kita kerana mereka telah dapat kita bebaskan daripada keganasan Komunis, tetapi tahu-kah tuan2 siapa-kah di-antara ra'ayat negeri ini atau party2 fiolitik dalam negeri ini yang turut berterima kaseh di-atas kejayaan kita itu ?

Socialist Front mithal-nya, telah mengutok Kerajaan kita dan telah menuduh bahawa Kerajaan kita telah melakukan tangkapan2 dan penyeksaan2 yang tidak berperikemanusiaan terhadap pengikut2 Komunis, malahan menuntut pula dengan keras-nya

supaya tahanan politik itu di-bebaskan dengan sa-berapa segera-nya oleh Kerajaan. Socialist Front bukan berterima kaseh kapada Kerajaan yang telah memulehkan keamanan negeri ini dan membebaskan negara kita dari pengaruh dan keganasan2 Komunis, malah sa-balek-nya Socialist Front telah membela nasib pengganas2 itu. Dan sa-kali lagi Socialist Front telah menunjokkan belang-nya bahawa Socialiat Front ada-lah menjadi agent kapada gerakan jahat Komunis yang masok meresap ka-dalam musharakat kita yang berbilang bangsa ini dengan memaikan sentimen perkaurnan yang sangat berbahaya dengan niat supaya keamanan di-negara kita ini hanchor-lebor, di-mana akan mengakibatkan kesengsaraan kapada ra'ayat negeri ini. Oleh kerana Kerajaan Perikatan ada-lah sa-buah Kerajaan yang di-pilih oleh ra'ayat, dan telah menjanjikan pula kapada ra'ayat bahawa Perikatan akan menghapuskan dzarurat, tetapi di-samping itu Perikatan bertanggungjawab pula kapada ra'ayat bagi menjaga keamanan hidup, kebebasan bermasharakat, kebebasan beragama kebebasan berfikir, berchakap dengan menchari rezeki, maka wajib-lah Perikatan melahirkan undang2 baga mengawal dan memelihara kemerdekaan ra'ayat itu dari ugutan2 dan anchaman2 luar dan dalam yang masok dengan chara meresap2. Untok ini semua-nya Kerajaan Perikatan mengadakan Undang2 keselamatan dalam negeri. Undang2 yang rnengawal kemerdekaan ra'ayat dan menchegeh kejahatan2 dari kaum2 Komunis yang masok meresap2, ini-lah yang paling di-benchi sa-kali oleh Socialist Front, pada khusus-nya dan party2 Pembangkang pada umum-nya.

Apa-kah pula sikap dan pendirian PAS atas hal ini ? Kita berasa hairan sa-kali, sa-bagai sa-buah party yang konon-nya ingin melahirkan keamanan sa -suai dengan ajaran Islam yang di-da'awa oleh PAS sa-bagai asas perjuangan-nya itu, pada masa ujian yang berat ini, PAS telah pula menunjokkan belang-nya yang s a-lama ini di-semunyikan-nya di-sabalek jubah tokoh2-nya dengan mempertopeng ayat2 suchi al-Quran, jalan dan langkah mereka ada-lah sa-lenggang sa-derap dengan pangangan dan pendapat Socialist Front, dan dengan rasmi-nya PAS dengan memalui anggota2-jjya dalam Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara ber-kata, "Yang sa-benar-nya kita tidak-lah patut sama sa-kali • berterima kaseh kapada Kerajaan Perikatan ini yang membanggakka diri-nya sa-bagai pahlawan bagi merebut Kemerdekaan negeri ini, tetapi yang patut ra'J'at negeri ini berterima kaseh ia-lah kapada gerakan Komunis di-negeri ini yang pada hakikat-nya mereka-lah yang telah berjasa besar bagi terchapai-nya kemerdekaan negeri ini".

Tuan2 dan puan2, bagitu-lah pandangan dan pendapat PAS yang telah kita dengar dengan lantang-nya dalam Dewan Negara di-sampaikan oleh wakil2 PAS, jadi pada kesimpulan-nya baik dan PAS mahu pun dari Socialist Front telah terdengar suara 2 yang

sama dalam masaalah menghadapi Komunis di-negeri ini, mereka tidak memusuhi Komunis, mereka tidak mengutok keganasan2 Komunis, tetapi sa-balek-nya telah memuji Momunis.

Pada hakikat-nya telah-lah kita ketahui jalan fikiran orang2 Socialist Front dan pendirian PAS dalam perkara ini, dan dengan demikian telah dapat pula kita tinjau keta'at-setiaan mereka yang sa-benar2-nya, ada-kah terhadap negeri ini sa-penoh-nya, atau kapada anasir2 yang datang-nya dari luar negara ini, yang kita anggap sa-bagai faham yang sangat berbahaya terhadap ra'ayat dan negara kita yang sedang mengamalkan Demokrasi yang sa-penoh2-nya dalam negeri ini.

Baharu2 ini kita dan negara kita telah menerima satu chobaan lagi ia-itu dasar konfrantasi Indonesia terhadap negara kita yang muda ini, Indonesia telah berkonfrantasi dengan kita di-atas alasa n2 yang sama sa-kali tidak dapat kita terima, tetapi sikap angkoh dari Kerajaan Indonesia ini tidak-lah pula memaksa kita berlutut kapada-nya. Kita sa-bagai bangsa yang Merdeka, mempunyai sifat2 dan tanggungjawab yang besar terhadap harga dan nilai kemerdekaan yang kita milikki itu; bagi kita, kemerdekaan ada-lah sa-sua tu yang paling tinggi dan paling kita hormati, andaikata kata kemerdekaan kita terancham, kita haruslah bersedia dan tampil ka-hadapan untok mempertahankan kemerdekaan kita itu sampai ke-titisan darah kita yang akhir.

Kerajaan Perikatan telah pun menyeru kapada ra'ayat supaya tampil ka-hadapan, pemuda2 kita di-antara umur 21 sampai 28, ada-lah di-wajibkan mendaftarkan diri untok pertahanan negara, di-samping kita menerima juga sukarelawan2 baik dari pehak kaum bapa dan kaum ibu, semua-nya hendak kita jadikan satu barisan pertahanan habis2an andai-kata kemerdekaan kita terancham dan di-ancham oleh kuasa2 yang hendak meluaskan wilayah2 kekuasaan-nya. Tetapi sa-kali lagi kita mendapat tentangan daripada party2 pembangkang. Socialist Front dan PAS lagi2 telah menyalahkan kita dalam dasar konfrantasi Indonesia ini.

Oleh kerana kita tahu benar2 dudok-nya kedua2 party pembangkang ini, sebab itu-lah kita harus bekerja keras untok mengalahkan dan menghapuskan pengaruh mereka itu walau di-mana2 pun, dan dengan demikian akan menjamin kemenangan kita dalam pilihan-raja yang akan datang ini.

Tugas kita yang paling besar dan paling berat sekarang ini ia-lah memberikan penjelasan2 dan penerangan2 serta cheramah2 kapada ra'ayat, terutama di-kampong2, kerana daerah2 yang saperti ini-lah party2 pembangkang dengan mudah-

mempengaruhi mereka dengan diayah2 dan fitnah2 dan memburok2kan Kerajaan kita. Ada-lah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menghapuskan diayah2 dari party pembangkang itu.

Di-samping itu kita harus menerangkan kepada ra'ayat terutama-nya di-kampong2 betapa bahaya-nya kalau sa-kira-nya Perikatan kalah dalam Pilihan Raya yang akan datang ini dan betapa pula besar-nya malapetaka yang akan di-timpakan kepada ra'ayat negeri ini andai-nya S.F. dan PAS atau mana sahaja party2 pembangkang di-berikan kepercayaan oleh ra'ayat menjaiankan pentadbiran negara ini.

Tuan2, kita sekarang ini sudah sampai kepada satu tingkatan yang akan menentukan nasib negara dan ra'ayat negeri ini, apa-kah jalan yang benar dan selamat yang harus kita perhatikan kepada ra'ayat, dan sa-benar-nya kedudckan kita dalam menghadapi masalah Pilihan Raya ini telah begitu serius sa-kali sa-hingga memerlukan tenaga2 dan usahag yang berlipat ganda, kita akan di-kutok oleh anak chuchu kita di-belakang hari kalau sa-kira-nya kita lalai daripada menjalankan tugas kita dari sekarang ini.

Sa-waktu saya membuat lawatan pertama ka-negeri Eropah ia-itu sa-belum kita mencapai kemerdekaan dahulu-nya, saya telah ai-tanya oleh beberapa orang penuntut kita yang sedang di-dalam pengajian di-University di-London, dan di-antara pertanyaan-nya ia-lah "Apa-kah fikiran tuan, tentang kedudukan ekonomy di-Tanah Melayu sa-sudah mencapai kemerdekaan, ada-kah akan tetap saperti sekarang ini, atau akan jatuh merosot, atau akan naik lebeh tinggi dari sekarang ini",

Oleh kerana saya bukan-lah sa-orang ahli ekonomy yang memperinchi keadaan ekonomy itu dari semua sudut, saya hanya dapat memberikan jawapan mengikut keyakinan saya, ia-itu, " Saya yakin bahawa sa-sudah kita mencapai kemerdekaan kedudukan ekonomi negara kita akan bertambah kukoh dan taraf hidup ra'ayat akan bertambah tinggi." Ini semua-nya saya dasarkan kepada keyakinan saya terhadap dasar2 perjuangan Perikatan yang menjamin terchapai-nya kekuatan politik dan kekukohan ekonomi sa-sudah Malaya mencapai kemerdekaan-nya.

Pendapat saya yang ringkas ini telah di-bantah oleh penuntut2 itu dengan mengemukakan teori2 ekonomi yang telah mereka pelajari dan juga hasil daripada beberapa kajian dan penyelidikan mereka terhadap negara2 yang baharu muncul. Merreka berkata, bahawa mengikut teori ekonomi dan hasil daripada kajian2 yang telah di-buat, ternyata bahawa kedudukan ekonomi bagi sa-sa-buah negara yang baharu muncul itu akan merosot dari

5 sampai 10% dan dengan itu akan mengakibatkan kerendahan taraf hidup, dan hal ini biasa-nya kata mereka berjalan sa-kurang2-nya 10 tahun, dan terserah-lah kapada pemimpin2 negara itu yang chekap dan berpengalaman, bagi memulehkan kemerosotan ekonomy ini dalam tempoh yang tidak kurang dari 10 tahun, baharu-lah kedudukan itu dapat di-perbaiki. "Dan tidak jarang bertemu kemerosotan ekonomy negara itu tetap bertambah merosot di-mana kadang2 mengakibatkan kelemahan kapada pentadbiran negara.

Saya sendiri tidak-lah dapat membuat bantahan terhadap kajian mereka itu dan ini ada-lah sa-suatu yang nyata yang payah di-nafikan, tetapi hukun yang di-buat sa-chara umum ini rasa saya tidak-lah mengenai tanah ayer kita, oleh kerana pada hemat saya sampai pada masa ini ia-itu sa-susah kita menchapai kemerdekaan lebeh dari 7 tahun, kita sendiri dapat merasakan betapa tinggi-nya taraf hidup dari negara tetangga kita yang telah lama menchapai kemerdekaan daripada kita, kita sendiri merasa betapa kukoh-nya kedudukan ekonomy negara kita, baik dari segi apa sa-kali pun, mata wsng kita tidak pernah merosot baik di-dalam mahu pun di-luar negeri, ini semua-nya dapat kita rasakan sendiri pada waktu ini.

Pada hemat saya kekukohan ekonomy ini lahir-nya dari-pada kekukohan pentadbiran dan kekukohan politik, oleh kerana kita ada-lah sa-buah negara demokrasi, di-mana ra'ayat-lah yang akan menentukan nasib-nya sendiri di-dalam tiap2 kali pilihan Raya itu di-adakan, maka dalam hal ini ra'ayat negeri ini telah melakukan sa-suatu yang bijak dan benar, dengan memilih satu party yang chekap dan berpengalaman bagi melayarkan bahtera negara muda ini ia-itu PERIKATAN.

Oleh kerana Perikatan ada-lah sa-buah party yang chukup dengan persediaan2 bagi menjalankan pentadbiran negara ini dari semua jurusan, maka dapat-lah di-jamin bahawa hukum alam dari segi ekonomy yang menjadi kajian dari Mahasiswa2 dari University2 itu tidak melibatkan negara kita ia-itu Persekutuan Tanah Melayu yang sekarang di-kenal dengan nama baharu-nya NEGARA MALAYSIA.

Ini-lah saya katakan sa-kali lagi kalau sa-kira-nya kita dengan semangat dan kejujuran yang mendalam memberikan pengertian kapada ra'ayat negeri ini tentang kekukohan dan jasa2 kita kapada ra'ayat seluroh-nya, maka saya mempunyai keyakinan bahawa kemenangan akan bcrada di-pehak kita, dan ra'ayat tidak akan menentang kita, tetapi ss-balek-nya kalau kita lalai dan bekerja dengan tidak bersungguh2, kita akan menyesal pada akhirnya dan ra'ayat negeri ini akan menerima nasib yang tidak dapat saya gambarkan sekarang ini.

Tuan2 sakalian,

Untok menyampaikan tujuan kita ini, ia-itu agar ra'ayat mendapat penerangan2 yang jelas dan betul, maka mustahak-lah kita adakan kursus2 saperti ini, dengan tujuan supaya chara dan bentok penerangan kita di-seluroh tanah ayer kita ini dapat di-seragamkan.

Kita semua-nya mengetahui bahawa tugas penerangan ini ada-lah berat oleh kerana fikiran dan pendapat orang2 kita, terutama-nya di-kampong2 tidak-lah sana, jadi terpaksa-lah kita mengikhtiarkan bahan2 yang sa-suai dengan chara berfikir-nya orang2 kita itu, mencheritakan kemajuan sahaja sa-umpama-nya kadang2 tidak mendatangkan kesan2 yang memuaskan, dan mencheritakan soal politik yang tinggi2 juga kadang2 menjemukan pendengaran, sebab itu apa yang penting ia-lah memberikan penerangan dan penjelasan sa-suai dengan apa yang sedang dalam perbincangan mereka sa-hari2.

Sa-bagai chontoh, umpama-nya orang2 kita di-Melaka dan orang2 kita di-Kelantan, sa-kali pun kita telah menerangkan dan cuba menerangkan kebaikan pentadbiran kita dan kemajuan2 yang telah kita chapai sa-lama Perikatan berkuasa, namun bagi orang Kelantan penjelasan kita itu tidak dapat mereka terima bulat2 oleh kerana PAS telah menanamkan satu perasaan yang mendalam di-dalam hati mereka ia-itu rasa kebencian terhadap Perikatan dengan satu alasan sahaja ia-itu UMNO ini berkawan dengan orang2 KAFIR dalam memerintah negeri, dan ini kata PAS haram, dan daripada faham yang di-tanamkan oleh PAS ini-lah pula timbul fatwa2 kafir-mengkafir sa-sama umat Islam di-negeri ini. Jadi perkara yang timbul di-Kelantan bukan-lah soal politik, bukan-lah soal pembangunan, dan bukan pula soal Kemajuan Luar Bandar. Mereka sedar bahawa PAS tidak berbuat apa2 untok faedah ra'ayat di-Kelantan, tetapi soal ini tidak-lah menjadi soal pokok, ada pun yang menjadi soal pokok-nya bagi mereka ia-lah soal Melayu, soal Islam dan soal kafir.

Bagitu jua hal-nya di-sa-tengah2 tempat di-Melaka, Perikatan telah pun menunaikan tugas-nya, memberikan tanah. kemudahan2 yang lain kepada mereka, yang mereka tidak dapat; meni'mati-nya sa-masa dalam penjajahan, namun demikian mereka sa-tengah-nya maseh menentang Perikatan dan menyokong S.F. bukan-lah oleh kerana S.F. itu telah banyak berbuat jasa kepada mereka, dan mereka pun sedar atas hal ini, tetapi yang menjadi pokok dari pemikiran mereka ia-lah, bahawa S.F. ini ada-lah satu2-nya party yang bersedia membela nasib orang2 China dan meninggikan serta memperkukoh kedudukan orang2 China di-negeri. dari segi-anti politik, ekonomy, pelajaran dan masharakat orang2

China.

Fahaman yang seperti ini-lah pada sa-tengah tempat telah monjadi darah daging kapada mereka, dan sunggoh memerlukan kebijaksanaan dan kecherdasan bagi mengatasi fahaman itu.

Satu perkara lagi yang patut tuan sedari ia-itu, bagi pehak lawan party kita mereka mempunyai tektik2 yang merachun fikiran dan melemahkan keperchayaan ra'ayat kapada Perikatan. Party2 lawan kita menggunakan tipu helah dan fitnah2 dengan menimbulkan2 sa-suatu yang bukan2 dan mengada2kan sa-sugtu yang tidak ada, sa-bagai suatu chontoh, beberapa waktu yang lalu S.F. telah membuat fitnah kapada orang2 di-Negeri Sembilan dengan berkata konon-nya saya telah mempunyai tanah sa-banyak 30,000 ekar kerana kepentingan saya sendiri, orang2 di-Negeri Sembilan telah bertanyakan kapada saya benar atau tidak-nya tuduhan S.F. ini, bagi saya yang tidak melakukan perbuatan itu hanya meniawab dengan pendek sahaja ia-itu sa-lama fikiran saya maseh seperti sekarang ini jua, dengan semangat dan chita2 hendak membela nasib bangsa saya dan membangun negara saya. soal hendak.menchari keuntungan diri sendiri sama sa-kali tidak lah bertapak di-dalam hati saya, terserah-lah kapada tuan2 membuat keputusan sendiri sama ada fitnah S.F. itu benar atau tidak.

Tuan2, ini-lah chara dan tektik yang di-lakukan oleh Party lawaa kita, baik apa pun jua nama party itu, dan terkadang2 fitnah dan perkara2 yang seperti saya sebutkan itu lebel memberi kesan daripada kita menerangkan sa-suatu yang sa-kali pun benar.

Di-sini-lah terletak-nya tugas berat kita, dan dalam perjuangan kita menghadapi tipu helah dari party lawan ini, kita hendak-lah bersunggoh2 dan siap sedia pada sa-bilang waktu serta memperkukoh barisan kita.

Dalam hubongan ini ingin-lah saya menyatakan kapada tuan2 supaya perkara2 yang kechil, dan .pertenggaran same sendiri di-dalam party hendak-lah di-hindarkan, Perebutan menjadi chalun dalam Pilehan Raya ini hendak-lah di-singkirkan, tanamkan-lah semangat chintakan party lebeh daripada diri sendiri, utamakan-lah bangsa dan kewajipan kita terhadap negara, dan perluas-lah pengaruh party kita di-merata2 tempat dan cherok kampong di-dalam negeri ini, dengan demikian akan terjamin-lah kemenangan kita. Jangan-lah ada di-antara kita yang mementingkan diri lebeh daripada party, kalau fahaman ini sudah dapat kita masukkan ka-dalam roh dan jiwa pengikut kita dalam semua peringkat; perchaya-lah, tidak-lah akan timbul sa-barang krisis

di-antara kita *sa-sama* kita. Ingat-lah bahawa perpechahan kita sa-sama kita tidak akan menguntongkan party kita, malahan akan melemahkan kedudukan kita yang akhir-nya akan mengakibatkan kekalahan kita sendiri.

Ada satu perkara lagi yang rasa saya mustahak kita kemaskan, ia-itu berkenaan dengan chawangan2 dan bahagian2 kita.

Dari sekarang ini Chawangan2 dan Bahagian2 kita hendaklah kita perkemas baik dari segi pentadbiran-nya, keuwan-nya, kaum ibu-nya, pemuda-nya dan yang lain2 lagi yang berkaitan dengan kemajuan yang hendak kita chapai itu.

Kadang2 kerana kechuaian kita sendiri menyebabkan ahli2 kita lagi dari party kita, bukan oleh kerana mereka itu tidak mahukan UMNO dan bukan oleh kerana mereka telah benchikan UMNO, tetapi ia-lah oleh kerana layanan kita yang tidak sempurna kepada-nya, dan kewajipan kita sa-bagai Pegawai Bahagian atau Chawangan, tidak kita sempurnakan terhadap sa-sa-orang ahli kita. Tidak-lah mustahak saya cheritakan satu persatu-nya kechuaian kita itu, rasa saya tuan2 sendiri telah faliam dan telah mengetahui akan tujuan dan maksud saya. Kerana itu sa-kali lagi saya peringatkan kepada tuan2 supaya berhati2 benar, sa-barang kesilapan dan kesalahan yang sa-kali pun kechil dalam raasa Pilihan Raya ini, akan mengakibatkan kekalahan kita sendiri.

Kemenangan Perikatan pada masa yang akan datang ini tidak-lah hanya sa-mata2 bergantung kepada pemimpin2 kita sahaja, tetapi yang paling mustahak sa-kali ia-lah bergantung kepada kekuatan kita di-kampong2 dan di-daerah2.

Sa-bagaimana ucapan saya pada mula-nya tadi, bahawa perjuangan kita dalam Pilihan Raya ini ada-lah sama seperti kita berjuang di-medan perang, pasokkan2 yang tersusun, berdisiplin, chukup dengan alat kelengkapan dan persanjataan, patoh.kapada pimpinan sahaja-lah yang dapat mengalahkan pasokkan musuh-nya.

Kita berdoa mudah2an kita di-berkati Tuhan dalam perjuangan kita ini. Terima Kaseh.

MERDEKA